

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PEMBUKAAN RASMI PEJABAT CAWANGAN BANK NEGARA MALAYSIA

TEMPAT: MELAKA

TARIKH: 21 AUG 1988

MASA:

Yang Amat Berhormat Datuk Seri Abdul Rahim
Thamby Chik,
Ketua Menteri Melaka;
Yang Berbahagia Tan Sri Haji Jaffar Hussein,
Gabenor Bank Negara;
Yang Berhormat-Yang Berhormat;
Dif-Dif Kehormat;
Tuan-tuan dan Puan-puan.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Bank Negara Malaysia kerana menjemput saya ke Majlis ini dan seterusnya merasmikan pembukaan pejabat cawangan Bank Negara di Melaka. Saya percaya usaha Bank Negara untuk menubuhkan cawangannya di setiap negeri adalah wajar. Dengan cara ini, Bank Negara dapat memberikan khidmat sebagai penasihat kewangan kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri dengan lebih berkesan. Selain daripada itu, Bank Negara dapat mengawas dan menyelia kegiatan badan-badan kewangan secara lebih dekat lagi.

2. Sepertimana yang tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, bidang pengawasan urusan bank oleh Bank Negara telah diperluaskan baru-baru ini. Ia meliputi koperasi pengambil deposit, dan pada akhir bulan April lepas telah merangkumi pula industri insuran. Semua ini adalah bertujuan untuk mempertingkatkan lagi taraf profesionalisme dan mencegah penyelewengan dalam urusan bank dan kewangan di samping menggalakkan suasana kewangan yang lebih teguh dan stabil di negara ini. Bagi Kerajaan-Kerajaan Negeri, yang pentingnya ialah mempunyai institusi-institusi kewangan yang lebih berkesan menggerak dan menyalurkan kumpulan wang kepada pelabur-pelabur pada kos yang berpatutan. Dengan pemulihan ekonomi yang sedang kita alami sekarang ini, saya percaya bank-bank dan lain-lain badan kewangan di setiap negeri akan memainkan peranan mereka masing-masing. Walaupun Bank Negara mengawasi pengurusan bank, tetapi seboleh-bolehnya pengurusan bank hendaklah mengurus dengan penuh amanah dan kecekapan supaya Bank Negara tidak perlu mengawas sepanjang masa.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

3. Kerajaan akan terus berusaha untuk mengekalkan pemulihan ekonomi yang kita alami semenjak suku pertama tahun 1987, selepas dilanda kemelesetan semenjak tahun 1985. Kemelesetan itu membebaskan, lebih-lebih lagi kerana ia muncul semasa Kerajaan sedang menjalankan rancangan berjimat

cermat untuk memulihkan ekonomi akibat daripada kesan-kesan kelembapan ekonomi dunia. Syukur alhamdulillah, keadaan ini telahpun pulih dan mungkin secara berpanjangan.

4. Ekonomi Malaysia kini berada dalam keadaan lebih kukuh lagi daripada dahulu, disebabkan pertambahan eskport komoditi utama dan peningkatan yang pesat eskport dan pengeluaran perkilangan semenjak tahun lepas. Peningkatan dalam keadaan ekonomi telah membolehkan Kerajaan memperkukuhkan lagi kedudukan kewangan negara. Seperkara yang turut menggalakkan ialah kestabilan harga dalam negeri. Kadar inflasi yang rendah telah dicapai oleh kita selama lima hingga enam tahun kebelakangan ini. Salah satu daripada sebab inflasi tidak meningkat seperti dahulu ialah kerana kuasa-beli atau purchasing power rakyat tidak meningkat dengan pesat, sebaliknya bekalan barangan adalah baik. Kedua-dua faktor ini mestilah diawasi sepanjang masa. Tidak ada gunanya kuasa-beli meningkat jika harga barangan juga meningkat dengan pesat. Sebaliknya, kos pengeluaran kita akan meningkat jika kuasa-beli individu terlalu tinggi. Dengan ini kita akan menjadi kurang competitive dan pendapatan kita serta peluang pekerjaan akan terhad pertumbuhannya.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

5. Strategi pertumbuhan ekonomi kita pada masa hadapan bergantung kepada kekuatan dan keupayaan dua sektor utama, selain daripada pertanian, iaitu perkilangan dan pelancongan. Pelancongan adalah industri yang baru dan perlu dibantu dan diusahakan dengan lebih pesat lagi sebelum ianya dapat berkembang dengan sendiri. Kerajaan sedang mengenal-pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh bidang pelancongan ini tetapi Kerajaan tidak akan melibatkan diri secara langsung seperti yang telah dilakukan sebelum ini. Kerajaan akan hanya membuat promosi, menyediakan infrastruktur, insentif serta memperbaiki perhubungan udara, laut dan jalanraya. Usaha-usaha dan kemudahan-kemudahan lain mestilah dibuat dengan inisiatif pihak swasta.

6. Industri pelancongan memerlukan kerjasama semua. Tidak ada sesuatu yang lebih menarik bagi para pelancong yang datang melainkan sifat ramah mesra dan kesediaan melayan tetamu yang ditunjukkan oleh rakyat. Sudah tentu mereka yang terlibat secara langsung dengan para pelancong lebih dikehendaki menunjukkan sifat-sifat ini. Kita tidak harus membiarkan perkara ini kepada sifat semulajadi yang ada kepada kita tetapi sebaliknya sifat ini hendaklah dipupuk secara sistematik, iaitu dengan mengadakan kempen untuk orang ramai dan latihan khusus untuk mereka yang terlibat secara langsung. Di sinilah terletaknya peranan pengurus-pengurus dalam industri pelancongan. Kita harus mengambil perhatian bahawa kejayaan MAS umpamanya bergantung kepada prestasi layanan yang menjadikan MAS terkenal.

Tuan-tuan dan puan-puan,

7. Dalam usaha menggalakkan pelancongan, tahun 1990 telah diisytiharkan sebagai 'Tahun Melawat Malaysia'. Bagi mencapai tujuan ini, adalah penting kita semua bersama-sama berusaha mengadakan daya penarikan pelancongan secara berkekalan. Dalam memperkenalkan Malaysia sebagai pusat pelancongan yang menarik, kita juga mestilah memastikan bahawa kita mempunyai perkhidmatan-perkhidmatan pelancongan yang sesuai dan efisien. Ini bukanlah terhad kepada barang-barang keluaran Malaysia yang akan dipamer dan dijual. Ia termasuk juga tempat tinggal yang selesa, persekitaran yang bersih dan mutu perkhidmatan yang tinggi. Industri pelancongan mempunyai potensi yang besar dalam mewujudkan peluang-peluang pekerjaan, memajukan pertukangan dan kraftangan kita dan lain-lain kesan sampingan.

8. Mengenai sektor perkilangan pula adalah jelas bahawa keyakinan pengusaha dan pelabur asing terhadap ekonomi negara kita terus meningkat. Salah satu tandanya ialah peningkatan pelaburan swasta. Dalam tempoh separuh pertama tahun 1988 ini, pelaburan asing meningkat lima kali ganda berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun lalu. Sektor dalam negeri juga telah mula pulih, disebabkan oleh pendapatan yang lebih tinggi dan juga peluang-peluang yang lebih banyak dan baik. Pelaburan swasta dalam negeri juga dianggarkan meningkat dalam separuh tahun yang kedua 1988. Tanda-tanda daripada kajian oleh Bank Negara Malaysia dan MIDA menunjukkan bahawa kebanyakan syarikat sekarang telah memenuhi kapasiti keupayaan mereka iaitu melebihi 80%. Dengan itu, kita yakin jika ekonomi kita terus berkembang, pelaburan baru dan penambahan kepada pelaburan yang ada akan berlaku pada tahun ini dan juga pada tahun depan. Hasil yang terpenting daripada perkembangan ini ialah peluang-peluang pekerjaan yang akan bertambah bagi mereka yang sanggup bekerja.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

9. Peranan bank-bank dan institusi-institusi kewangan yang lain dalam keadaan sebegini adalah jelas sekali. Mereka mestilah membantu memastikan bahawa penyediaan sumber-sumber kewangan dapat diperolehi pada kos yang munasabah. Dalam tempoh setahun setengah yang lalu apabila pasaran wang telah dibanjiri oleh mudah-tunai atau liquidity, dan kadar faedah dalam pasaran wang antara bank berada diparas yang paling rendah, Kerajaan hairan mengapa kadar faedah untuk pinjaman sangat sukar diturunkan. Penurunan dalam kadar pinjaman baru-baru ini memang menggalakkan dan Kerajaan berharap ianya akan berada diparas yang lebih munasabah lagi. Apa yang sangat membimbangkan ialah sikap bank-bank. Dunia mereka nampaknya hanya berkisar disekeliling sekuriti dan cagaran. Mereka seharusnya sanggup mengambil risiko-risiko yang berpatutan. Saya sedar bank-bank perlu bertindak dengan berhati-hati untuk memastikan supaya peminjam-peminjam menggunakan wang pinjaman untuk menghasilkan keuntungan yang cukup supaya mereka mampu membayar balik pinjaman mereka. Tetapi bank-bank patut juga memberi pinjaman berasaskan kepada viability projek dan

kebolehan peminjam untuk mengurus projek tersebut. Dengan ini pengusaha-pengusaha yang berpotensi akan dapat peluang untuk mengusahakan projek-projek mereka di samping menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Bank-bank harus ingat bahawa cagaran harta tidak begitu selamat kerana di waktu kemelesetan nilai harta boleh turun sehingga jauh lebih rendah daripada hutang yang diberi. Jika kemampuan pengurusan dikhuatiri, bank masih boleh mengambil ekuiti dalam projek berkenaan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

10. Kejayaan ekonomi Malaysia juga bergantung kepada kerjasama tenaga buruh yang berdisiplin dan produktif. Ini adalah penting, lebih-lebih lagi pada masa sekarang memandangkan kita sedang menghadapi persaingan yang semakin meningkat di pasaran dunia, terutamanya daripada negara-negara yang kos pengeluaran mereka adalah lebih rendah. Kita perlu berusaha dengan lebih lagi untuk mengurangkan kos pengeluaran kita. Ini tidak semestinya ditentukan dengan gaji yang rendah. Lebih berkesan lagi ialah peningkatan pengeluaran yang lebih tinggi. Yang menjadi masalah ialah kenaikan gaji yang lebih daripada kenaikan pengeluaran. Sementara para pekerja bertanggungjawab dalam perkara ini, pihak pengurusan tidaklah bebas daripada tanggungjawabnya terhadap peningkatan prestasi pekerja di bawah jagaan mereka.

11. Kerajaan sedar bahawa pengangguran masih lagi merupakan satu masalah. Tetapi, untuk mengatasinya memerlukan masa dan kadar pertumbuhan yang tinggi. Kemampuan Kerajaan adalah terhad. Kerajaan tidak mampu meningkatkan perbelanjaan tanpa menggugat kejayaan yang telah dicapai dalam memperbaiki kedudukan kewangan negara. Walaupun sekarang ini kita mengalami pemulihan ekonomi namun berbagai ketidaktentuan masih ada. Tidak ada sesiapa yang dapat memastikan berapa lamakah pemulihan harga komoditi ini akan berterusan atau bilakah kemelesetan ekonomi akan menimpa kita sekali lagi. Sebahagian besarnya bergantung kepada keadaan ekonomi dunia. Eksport kita kini bukan sahaja terpaksa bertanding dengan halangan-halangan tarif yang semakin meningkat di negara-negara perindustrian, tetapi juga oleh persaingan yang semakin sengit daripada negara-negara membangun yang lain. Sebab itulah Kerajaan telah menumpukan usaha ke arah meningkatkan produktiviti dan kemampuan untuk bersaing. Jika pekerja-pekerja Malaysia terkenal dengan daya pengeluaran yang tinggi dan tidak berminat dengan tindakan liar, peluang-peluang pekerjaan bagi mereka yang masih menganggur akan bertambah.

Tuan-tuan dan puan-puan,

12. Kerajaan akan bersungguh-sungguh melaksanakan dasar-dasarnya yang bertujuan untuk memperkukuhkan pemulihan dan mengurangkan kadar pengangguran. Malaysia kaya dengan sumber-sumber semulajadi dan mempunyai iklim yang baik. Tetapi sumber dan iklim dengan sendirinya tidak akan membawa

apa-apa hasil jika kita tidak mempunyai kecekapan bekerja dan rajin berusaha. Ingatlah negara yang berjaya seperti Jepun, Korea Selatan, Taiwan, Hong Kong dan Singapura tidak mempunyai apa-apa sumber kekayaan selain daripada rakyat yang cekap dan rajin bekerja.

Tuan-tuan dan puan-puan,

13. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Bank Negara kerana menjemput saya ke Majlis ini. Dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan Pejabat Cawangan Bank Negara di Melaka ini.